

Pelajar Permata Insan solat hajat depan Kaabah

KUALA LUMPUR - Seramai 29 pelajar Permata Insan, yang sedang mengadakan lawatan ilmiah ke Arab Saudi sejak Jumaat lalu, turut mengadakan solat hajat di hadapan Kaabah Masjidil Haram untuk pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang sejak 8 Mac.

Solat hajat dipimpin Ustaz Muhammad Hafiz Saleh Al Hafiz dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendoakan moga pesawat itu ditemui, menurut kenyataan Permata di sini, semalam.

Para pelajar Permata Insan itu, yang dalam lawatan belajar selama lapan hari ke Jeddah, Madinah dan Makkah, turut melawat beberapa universiti tersohor dalam bidang Sains Islam, antaranya Universiti Umm Al-Qura' di Makkah, Universiti Taibah di Madinah dan Universiti King Abdul Aziz di Jeddah serta American International School di Jeddah.

Semasa di sana, para peserta program itu juga berpeluang menemui tokoh Islam yang disegani seperti Imam Besar Masjidil Haram Sheikh Abdur Rahman As Sudais.

Lawatan tersebut merupakan projek perintis Permata Insan, yang merupakan satu cabang Program Permata yang ditubuh khas di USIM sejak 2010, bagi kanak-kanak seawal usia lapan tahun yang bertujuan melahirkan bakal ilmuwan pemikir Islam yang agung berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. - Bernama



Anak-anak Permata Insan menunaikan solat hajat di hadapan Kaabah untuk penumpang dan anak kapal pesawat MH370 sempena lawatan ilmiah mereka ke Arab Saudi.